

23 MAY 2000

Ling-Muktamad

LING ULANGI KEPUTUSAN UNTUK LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata keputusannya untuk meletakkan jawatan daripada Kabinet adalah muktamad.

"Banyak orang yang menelefon saya tetapi saya memberitahu mereka bahawa saya gembira untuk berundur selepas menimbang semua perkara.

"Keluarga saya menyokong saya tanpa mengira apa pun... apabila tiba masanya untuk berundur, (maksudnya) masa sudah tiba bagi saya untuk pergi," kata presiden MCA itu kepada pemberita selepas menemui delegasi MCA Selangor di pejabatnya di sini, hari ini.

Mengenai nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Dr Ling berkata beliau akan menemui Dr Mahathir sebelum mesyuarat mingguan Kabinet di Putrajaya esok.

"Saya akan berbincang dengan Perdana Menteri. Kami mengadakan pertemuan yang baik minggu lepas dan saya akan menemui beliau sekali lagi esok dan berbual dengannya," katanya.

Dr Ling juga mengulangi keputusan beliau semalam untuk mencadangkan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy menggantinya (sebagai Menteri Pengangkutan) kepada Dr Mahathir walaupun Chan enggan menerima jawatan itu.

"Mintalah beliau (Chan) untuk menimbangkannya semula," katanya kepada pemberita apabila ditanya mengenai perkara itu.

"Beliau adalah naib presiden keempat dan seorang yang berkebolehan. Tiga naib presiden lain sudah pun menjadi menteri penuh. Dengan itu, kami akan mempunyai satu pasukan yang sangat baik," katanya.

Ditanya tentang pengganti Chan (sebagai timbalan menteri), Dr Ling berkata beliau masih belum sampai ke peringkat itu lagi.

Mengenai rancangan masa depan beliau, Dr Ling berkata beliau akan berpindah ke ke pejabat Presiden MCA di ibu pejabat parti di Jalan Ampang di sini, iaitu pejabat yang dianggapnya "kurang digunakan", dan akan beroperasi daripada sana.

"Banyak perkara yang perlu saya lakukan. Persidangan-persidangan parti yang perlu dihadiri, melawat kolej Tunku Abdul Rahman, berjumpa rakyat, melawat negeri-negeri dan meluangkan lebih banyak masa di Labis.

"Penduduk di sana telah banyak berbudi kepada saya. Walaupun jadual sibuk sebagai menteri, mereka telah memilih semula saya (sebagai Anggota Parlimen) untuk tempoh empat penggal dan pada setiap kali, ia adalah majoriti yang besar. Oleh itu, ini adalah masa sebenar bagi saya untuk pergi menemui dan berbincang dengan mereka tentang masalah mereka," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan menyertai dunia perniagaan, Dr Ling menjawab bahawa "ia adalah pilihan yang tidak dipertimbangkan."

Mengenai sama ada peletakan jawatan beliau akan menyelesaikan masalah dalam parti, beliau berkata: "Saya fikir begitulah."

Mengenai jawatannya sebagai presiden parti, Dr Ling berkata memandangkan beliau dipilih semula secara sebulat suara oleh para perwakilan untuk tempoh tiga tahun pada tahun lepas, beliau akan terus menjalankan tanggungjawabnya itu.

Beliau berterima kasih kepada anggota parti di atas sokongan mereka kepadanya selama ini.

Dr Ling juga berkata beliau telah lama memikirkan mengenai peralihan kepimpinan parti.

"Kepimpinan bukan sahaja mengenai penerajuan tetapi juga mesti melatih

dan menguruskan peralihan itu. Jika kita tidak isi kekosongan yang ada, bagaimana kita dapat membantu parti, oleh itu kadang kala saya menjadi tidak popular...tetapi itu juga mengenai kepimpinan, bahagian yang tidak menarik tentang kepimpinan," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan bertanding lagi bagi jawatan presiden pada 2002, Dr Ling berkata "itu adalah sesuatu yang saya tidak mahu buat spekulasi, kita akan menyeberangi jambatan apabila kita sudah tiba di tempat itu."

Beliau juga berterima kasih kepada Dr Mahathir "di atas kata-kata ikhlasnya" dan berkata beliau menganggap Perdana Menteri sebagai tiang negara dan sumber inspirasi yang amat hebat selama ini.

Dr Ling berkata beliau masih menjadikan Dr Mahathir sebagai contoh kepimpinan dan parti itu akan terus memberikan sokongan 100 peratus kepadanya.

Mengenai surat peletakan jawatannya, Dr Ling berkata beliau masih belum menghantar surat itu.

"Saya sudah selesai membuat deraf yang pertama dan saya mahu menulisnya dengan sempurna sebelum menyerahkannya," kata beliau.

Secara berseloroh, Dr Ling berkata beliau menghabiskan masa kira-kira dua jam membaca semua akhbar pagi ini yang menyiarkan laporan mengenai peletakan jawatan beliau yang mengejutkan semalam.

"Tiada siapa pun yang sukakan perubahan pada masa ini, tetapi perubahan akan tetap datang dan kita harus menjadikannya berhasil," katanya.

-- BERNAMA

YBK NAK